

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

TARIKH : 26 Jun 2006

SOALAN

Y.B Tuan Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan perancangan yang diatur bagi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat dalam RMK-9 dan apakah bantuan kewangan kepada orang miskin atau yang memerlukan ditambah

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen (MKPM) atau MAYANG di 219 kawasan Parlimen di seluruh negara sebagai usaha kerajaan untuk menggembelngkan semua pihak di peringkat akar umbi khususnya masyarakat setempat dalam usaha menangani isu-isu berkaitan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat. Di samping itu, MKPM juga berperanan mempertingkatkan lagi jaringan kerja atau networking, bagi sektor-sektor yang bertanggungjawab dalam urusan kerja-kerja kemasyarakatan termasuk agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat dan orang perseorangan yang dapat digerakkan secara bersepadu. Kementerian merancang supaya dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) ini MKPM akan memberi tumpuan kepada program-program dan aktiviti-aktiviti teras yang berkaitan dengan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat secara berterusan mengikut kesesuaian keperluan masyarakat setempat seperti berikut: i. Program Pencegahan dan Pembangunan, menjurus kepada usaha menangani isu-isu sosial setempat yang dikenal pasti oleh pelbagai sektor dan disiplin dalam komuniti melalui penyediaan profil isu-isu sosial atau social mapping, bagi sesuatu kawasan Parlimen untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian seperti berikut: a. Program motivasi dan kesedaran kepada keluarga; b. Bengkel Kemahiran Keibubapaan; c. Aktiviti untuk remaja; d. Program Briged Kebajikan Perdana (BKP); dan e. Lain-lain aktiviti yang bercorak pencegahan dan pembangunan masyarakat setempat. ii. Program Intervensi Sosial, menjurus kepada pengesanan awal dan tindakan pembetulan serta pemantauan berterusan dijalankan di peringkat akar umbi yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut: a. Perkhidmatan intervensi awal dan sistem rujukan yang komprehensif; dan b. Kumpulan pembimbing setempat mengikut lokasi yang sesuai di kawasan perumahan atau kampung. iii. Program Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat, bagi menggerakkan penyertaan komuniti melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut: a. Gotong-royong; b. Berkhidmat sebagai Sukarelawan untuk membuat lawatan berkala ke rumah klien-klien JKM yang bersesuaian seperti warga tua, orang kurang upaya dan sebagainya bagi memberikan sokongan emosi dan sosial kepada klien yang terlibat khususnya yang tinggal berseorangan; c. Menyertai program Unit Mayang di peringkat daerah yang berkaitan; dan d. Menganjurkan sambutan Hari Kanak-Kanak, Hari Warga Emas, Hari Orang Kurang Upaya dan pelbagai sambutan lain di peringkat komuniti sebagai usaha meningkatkan kesedaran umum. Bagi memastikan perkhidmatan bantuan kewangan yang diberikan kepada kumpulan sasar benar-benar boleh memberikan impaknya, maka Kementerian sentiasa membuat kajian supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Sebagai contoh, dari aspek kadar bantuan, Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar baru bantuan JKM bagi skim Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dan Bantuan Orang Tua (BOT) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006. Kadar baru yang diluluskan bagi skim BKK ialah dengan menambahkan kadar untuk setiap orang kanak-kanak daripada RM80.00 seorang sebulan kepada RM100.00 seorang sebulan dan kadar maksimum bantuan sekeluarga dinaikkan daripada RM350.00 sebulan kepada RM450.00 sebulan. Manakala kadar skim BOT pula telah dinaikkan daripada RM135.00 seorang sebulan kepada RM200.00 seorang sebulan. Skim-skim bantuan lain termasuk Elaun Pekerja Cacat (EPC) masih kekal sebanyak RM200.00 seorang sebulan. Begitu juga dengan skim Bantuan Geran Pelancaran (BGP) yang boleh dipertimbangkan sekaligus sebanyak RM2,700.00 kepada klien-klien JKM yang mempunyai kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang sebagai modal bagi mereka memulakan sesuatu projek atau aktiviti yang boleh mendatangkan pendapatan kepada keluarga ke arah hidup berdikari. Golongan miskin atau yang memerlukan bukan sahaja menerima bantuan kewangan secara bulanan daripada JKM, tetapi mereka juga diberikan intervensi kerja kes atau case work oleh pegawai-pegawai yang terlatih bagi memastikan perubahan sikap di kalangan klien dan ahli keluarga yang terlibat supaya terus berusaha ke arah kehidupan berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan Kerajaan selama-lamanya. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Encik Azmi bin Abd. Karim 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pembangunan Sosioekonomi dan Bantuan 4) No. Tel : 03 – 26971090 Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Encik Rafek Reshidullah 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian :- 1)

Nama : Encik Abas Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

